

### UNIT PERKHIDMATAN MIDAS

- Perkhidmatan MIDAS (Maklumat Industri dan Sains) ditawarkan kepada syarikat-syarikat perusahaan dan perdagangan di Pulau Pinang dan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia.
- Menyediakan perkhidmatan rujukan dalam bidang sains, teknologi dan perdagangan kepada ahli MIDAS.
- Menerbitkan MIDAS Bulletin empat kali setahun untuk edaran kepada ahli, dll.
- Membantu ahli mendapatkan salinan fotokopi artikel yang diperlukan.
- Perkhidmatan pinjaman dari Koleksi Perpustakaan.

### KOLEKSI KAUNTER RUJUKAN TINGKAT 2

- Bahan-Bahan rujukan meliputi:

Buku panduan  
Buku tahunan  
Sumber statistik  
Kamus/Ensiklopedia  
Bibliografi perkara  
Warta Kerajaan dan undang-undang Malaysia  
Kalendar/Buku panduan Universiti tempatan  
Risalah Am

### KOLEKSI RUJUKAN AM

- Koleksi Rujukan ditempatkan di Tingkat 2 dan 3 di Perpustakaan Utama I dan Tingkat 1 di Perpustakaan Utama II.

Perpustakaan Utama I  
Tingkat 2: Sains Kemasyarakatan dan Ilmu Kemanusiaan.  
Tingkat 3: Sains dan Teknologi

Perpustakaan Utama II  
Tingkat 1: Pengurusan, Pendidikan dan Senibina.

### KOLEKSI LAPORAN TAHUNAN SYARIKAT

- Sesiapa yang ingin membuat sorotan atau kajian perbandingan antara syarikat yang disenaraikan di BSKL dari segi prestasi dan organisasi boleh merujuk kepada Koleksi Laporan Tahunan Syarikat di Kaunter Tingkat 1, Perpustakaan Utama II.


### PERTANYAAN

Untuk semua pertanyaan dan kemusykilan tentang perkhidmatan sila berhubung dengan:

Bahagian Rujukan dan Maklumat  
Perpustakaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM  
Pulau Pinang  
Telefon: 04 – 6533888 sambungan 3723  
Faks: 04 – 6571526  
e-mel: [rujukan@notes.usm.my](mailto:rujukan@notes.usm.my)  
URL: <http://www.lib.usm.my>

CNB/yr/Ogos 2003  
Risalah Bahagian Rujukan dan Maklumat No. 1

# PERKHIDMATAN BAHAGIAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT



PERPUSTAKAAN UTAMA  
KAMPUS INDUK  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
11800 USM  
PULAU PINANG



Bahagian Rujukan dan Maklumat memberi perkhidmatan kepada semua ahli yang berdaftar dengan Perpustakaan. Khidmat yang diberikan di Kaunter Perkhidmatan di Tingkat 2, Perpustakaan Utama I adalah dalam bentuk menjawab pertanyaan rujukan dan membekalkan maklumat serta menyelaras rancangan-rancangan tertentu yang dijalankan oleh Unit/Bahagian/Jabatan.

#### UNIT PERKHIDMATAN PERTANYAAN RUJUKAN

- Menjawab semua pertanyaan untuk menyokong pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, dan perundingan di Universiti Sains Malaysia. Segala pertanyaan yang bersifat ilmiah boleh ditujukan kepada staf yang bertugas di Kaunter Tingkat 2. Pertanyaan juga boleh dihantar melalui e-mel kepada [rujukan@notes.usm.my](mailto:rujukan@notes.usm.my).
- Membimbing pengguna dalam memanfaatkan sumber maklumat Perpustakaan serta menggalakkan penggunaan koleksi perpustakaan.
- Menyusun panduan kepada sumber/perkhidmatan tertentu untuk memudahkan penyelidikan dan penggunaan koleksi Perpustakaan.
- Menerbitkan panduan/bibliografi perkara supaya penggunaan bahan-bahan Perpustakaan dapat dipertingkatkan.

#### UNIT PERKHIDMATAN PENDIDIKAN PENGGUNA & LITERASI MAKLUMAT

- **Bengkel Kemahiran Literasi Maklumat**  
Bengkel ini mengajar pengguna Perpustakaan cara mengenal, mengesan, menilai dan menggunakan sumber maklumat dalam pelbagai format. Mereka akan diberi bimbingan dalam menggunakan KRISALIS (Katalog secara talian Perpustakaan), abstrak dan indeks serta sistem dan sumber maklumat lain. Bengkel secara 'hands on' ini dijalankan setiap hari Isnin – Jumaat, 8.30 – 10.30 pagi, di Pusat Perkhidmatan Maklumat Elektronik, Tingkat 3, Perpustakaan Utama I.
- **Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat (Berasas Subjek)**  
Di dalam rancangan ini pelajar ditunjuk ajar menggunakan sumber-sumber maklumat (bercetak dan elektronik) dalam bidang-bidang tertentu untuk pencarian maklumat yang diperlukan. Bengkel dijalankan atas permintaan Dekan/Pensyarah.
- **Latihan KRISALIS (Katalog Secara Talian Perpustakaan)**  
Pengguna diajar menggunakan KRISALIS secara berkesan. Semua pelajar baru diwajibkan mengikuti latihan pada awal Semester Pertama.
- **Taklimat Kembara**  
Dalam rancangan ini Pustakawan membuat lawatan ke Pusat Pengajian/Pusat Penyelidikan untuk mempromosi sumber dan perkhidmatan Perpustakaan.

#### UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT ELEKTRONIK

- Menawarkan perkhidmatan pencarian maklumat dari pangkalan data elektronik yang dilanggan seperti *EBSCOhost*, *JSTOR*, *ProQuest*, *ScienceDirect*, *NSTP e-media*, *Palmoilis*, *Sirimlink*, *CD-Net*, dll.
- Memberi bantuan pencarian maklumat melalui pangkalan data elektronik.
- Mengurus Pusat Perkhidmatan Maklumat Elektronik yang menyediakan komputer untuk latihan dan pencarian maklumat.
- Mengurus pembangunan dan perkembangan pangkalan data dalaman.
- Menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan laman web Perpustakaan.

#### PERKHIDMATAN PINJAMAN KERATAN AKHBAR

- Perkhidmatan ini menawarkan koleksi rencana dan liputan dari akhbar tempatan mengenai isu-isu penting di Malaysia. Semuanya disusun mengikut tajuk tertentu. Sila rujuk pada indeks/senarai tajuk yang disediakan apabila membuat permintaan ke atas tajuk yang diinginkan.